

**Ahmad Kamil Jamilin\***

**GEJALA ZINA: PERANAN SUNNAH DALAM  
MENANGANI PENULARANNYA**

**Abstract**

Most of the people from various races and nations of the world have reached a high level of material civilization. Nevertheless, the moral and social decline are seen at the same time which leads to numerous consequences such as destruction of the family institution and children, the spread of dangerous diseases, and various other adverse effects. The issue arises from several key factors such as free sex culture or what is called in Islam as adultery. The practice of free sex or adultery is viewed in Islam as a serious social problem and the need to be battled from being transmitted into the society. Study after study shows an increase in cases over the years and a very low awareness amongst the public regarding the prohibition of free sex culture and its implications. The transmission of the culture is now at worrying stage because most of those involved in this phenomenon consists of young people who are an important asset for the future of the country. Therefore, this article will debate the meaning of adultery, the importance of preserving the lineage, Islam and other religious such as Judaism and Christianity against the evil of adultery, and the adverse effects caused by the practice. Thereafter, I will formulate the measures and approaches taken by the Sunnah (prophetic traditions) in particular to address this social ills of the society.

---

\* Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

## Pendahuluan

Kebelakangan ini gejala seks luar nikah yang melibatkan masyarakat Malaysia semakin meruncing. Ini termasuklah kes-kes yang membabitkan jenayah rogol, sumbang mahram, dan seks bebas. Berdasarkan pengalaman Wanita JIM (Jamaah Islah Malaysia) ke rumah Perlindungan dan Bimbingan Raudhatus Sakinah (RS) yang diketuai oleh Puan Rosmawati Zainal selaku pengarah RS, sepanjang pengoperasian RS sejak tahun 1998 hingga tahun 2006, data menunjukkan daripada jumlah keseluruhan Pelatih iaitu 230 orang, 72 daripadanya terlibat dengan seks bebas<sup>1</sup>. Gejala ini dilihat memberi banyak kesan buruk kepada masyarakat samada di Malaysia mahupun di seluruh dunia. Contohnya kebanyakan jenayah rogol adalah berpunca dari amalan seks bebas. Seseorang yang sudah seronok dan ketagih dengan gejala ini akan memburu sesiapa sahaja yang dapat memuaskan nafsu mereka. Kerana itu dapat dilihat peningkatan jenayah rogol yang ketara di negara-negara yang membuka ruang kepada amalan seks bebas. Sebagai contoh di Amerika didapati purata kes rogol yang berlaku di sana ialah setiap 8 minit, dan pada tahun 1977 sahaja kes rogol yang dilaporkan mencecah 63,022 kes<sup>2</sup>.

Begitu juga dengan dengan bilangan populasi manusia yang dikatakan semakin meruncing. Sebagai contoh, peratusan penurunan kelahiran di beberapa negara Eropah dilaporkan semakin meningkat. Misalnya dalam kajian yang dibuat di antara tahun 1876 sehingga 1975, Britain menunjukkan penurunan 65%, manakala German Barat pula 74%, Belgium 62%, Sweden 55%, dan Perancis 35%<sup>3</sup>. Di samping penurunan populasi yang ketara tersebut, kelahiran anak luar nikah di sana pula menunjukkan

---

<sup>1</sup> Norazila binti Sugiman. 2008. *Persepsi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks Bebas*. (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia. h. 6.

<sup>2</sup> Crime In The United States 1977. Terbitan United States Department Of Justice pada 18/10/1978.

<sup>3</sup> Lihat Pierre Guilmot. 1978. *Population Decline in Europe*. Frome and London: Butter & Tanner LTD. Diambil dari tulisan Fadhl Ilahi. 2001. *At-Tadabir al-Waqiyah Min az-Zina Fil Fiqh al-Islamiy*. Riyadh: Muassasah al-Jaryusi. h. 23.

peningkatan yang besar. Sebagai contoh, kajian pada 1972 menunjukkan nisbah anak luar nikah berbanding setiap kelahiran di Sweden dan Ireland ialah 1:4 iaitu 25%<sup>4</sup>. Menurut kajian yang dilakukan oleh W. Burgess, Harvey J. Lock, Mary M. Thomas di Amerika pula, sepanjang tahun 1940 sehingga 1970 menunjukkan peningkatan anak luar nikah dari 18.8% kepada 34.3% iaitu peningkatan sebanyak 15.5%<sup>5</sup>.

Di Malaysia, pelbagai kes melibatkan anak luar nikah dan pembuangan bayi yang melibatkan remaja dan dewasa saban hari dilaporkan. Sebagai contoh, pada 7 Mei 2007, Berita Harian telah melaporkan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima maklumat sejumlah 145 bayi luar nikah dibuang dan dijumpai di tempat awam atau diserahkan sendiri oleh ibu bermasalah kepada polis. Jumlah ini belum lagi melibatkan ibu yang memelihara anaknya yang lahir hasil perhubungan luar nikah, yang sudah pasti akan membuat angkanya lebih tinggi. Selain itu, pada 16 November 2011, Utusan Malaysia telah melaporkan bahawa Bilangan anak luar nikah atau anak tidak sah taraf bagi tempoh tiga tahun dari tahun 2008 sehingga 2010 berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ialah seramai 152,182 orang. Manakala Berita Harian 21 Mac 2011 pula melaporkan bagi tempoh lima tahun dari tahun 2006 sehingga 2010, jumlah anak tidak sah taraf iaitu bayi hasil hubungan luar nikah ialah sebanyak 234,647 didaftarkan dalam tempoh itu daripada lebih dua juta kelahiran didaftarkan JPN yang mewakili 9% dari jumlah keseluruhan. Daripada jumlah 234,674 tersebut, seramai 80,979 atau 34.5% adalah bayi yang ibu kandungnya beragama Islam. Berdasarkan laporan tersebut juga, jumlah anak luar nikah pasangan Islam menunjukkan pola peningkatan dalam tempoh lima tahun tersebut yang mana pada 2006 sebanyak 13,545 didaftarkan dan jumlahnya meningkat kepada 16,100 pada 2007, 16,541 pada 2008, 17,303 pada 2009, dan 17,490 pada 2010. Bagi tahun 2013 pula, statistik daripada Bahagian Ibu dan Anak, Kementerian Kesihatan untuk seluruh Malaysia bagi separuh tahun pertama Januari hingga Jun,

---

<sup>4</sup> Ibid. h. 50-51.

<sup>5</sup> Ibid. h. 52.

menunjukkan remaja lingkungan 10 hingga 19 tahun yang hamil iaitu sebanyak 8433 orang, 25% darinya adalah tidak berkahwin iaitu sebanyak 2092 kes<sup>6</sup>.

Kesemua angka dan peningkatan pola kes ini dilihat begitu mengejutkan dan membimbangkan khususnya ia melibatkan sebahagian besar remaja dan masyarakat Islam di Malaysia. Maka dalam menangani penyakit sosial ini, umat Islam khususnya perlu kembali memahami Islam berdasarkan ajaran Nabi Muhammad SAW yang telah jelas menunjukkan panduan kepada umatnya. Justeru setiap masyarakat perlu memahami akan peranan serta pendekatan as-Sunnah dalam membimbing mereka bagi menghindari jenayah tersebut.

### Pengertian Zina

**Bahasa:** Menurut Bahasa Arab ianya membawa pengertian *al-Fujur*<sup>7</sup> iaitu menyimpang dari kebenaran. Maka mereka yang berdusta atau kafir juga tergolong dalam kalimah tersebut. Selain itu jika dikatakan *Fajarat Insan* ianya membawa makna seseorang itu telah terjerumus ke lembah maksiat atau dosa.

Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas:

كَأَنَّهُمْ يَرَوْنَ أَنَّ الْعُمْرَةَ فِي أَشْهُرِ الْحَجِّ مِنْ أَفْجَرِ الْفُجُورِ

“Pernah mereka itu melihat bahawa Umrah pada bulan-bulan haji merupakan dosa yang paling besar”<sup>8</sup>.

Manakala jika disebut *Fajara ar-Rajulu al-Mar'ah* ianya membawa makna lelaki tersebut telah berzina dengan perempuan tersebut<sup>9</sup>.

<sup>6</sup> <http://www.ismaweb.net/2013/11/2092-orang-remaja-hamil-anak-luar-nikah/>

<sup>7</sup> *al-Fujur* berasal dari *Fajara (Fa Ja Ra)* yang dibaca huruf (Ra)nya dengan baris atas.

<sup>8</sup> Lihat: al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. 2001/1422 h. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab al-Haj. Bab at-Tamattu' Wal Iqran Wal Ifrad Bil Haj Wa Faskh al-Haj Liman Lam Yakun Ma'ahu Hady. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabiyy. h. 281. #1564.

Dalam Bahasa Melayu pula ia bererti persetujuan yang tidak sah atau haram<sup>10</sup>.

**Syarak:** Lelaki dan wanita yang mendatangi (*Jimak*) pasangan mereka tanpa ikatan syar'ie yang sah<sup>11</sup>. Manakala jika seorang lelaki itu mendatangi perempuan itu pada duburnya tanpa ikatan syar'ie yang sah juga dikira sebagai zina oleh majoriti ulama'<sup>12</sup>. Ulama' juga bersepakat bahawa dalam mensabitkan zina ianya perlulah dipastikan tiada pertalian nikah yang sah, atau apa-apa jenis syubhah, ataupun hubungan tuan dan hamba<sup>13</sup>.

### **Kepentingan Memelihara Keturunan**

Menjaga kesucian nasab adalah merupakan salah satu daripada *doruriyyat*<sup>14</sup> di dalam *Maqasid al-Syari'ah* yang mana ianya disyariatkan demi memelihara populasi manusia serta kesucian keturunan. Lantaran kepentingannya dalam memelihara kesejahteraan masyarakat, maka Islam telah menggariskan beberapa langkah serta panduan dalam menggalakkan pemeliharaan keturunan, antaranya:

---

<sup>9</sup> Ibnu Manzoor, Muhammad bin Mukarram. Kaherah: *Dar al-Ma'arif*. Bab. Fa Jim Ra. H. 3351.

<sup>10</sup> Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1997. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka. h: 1558.

<sup>11</sup> An-Nawawi, Yahya bin Syaraf. *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah as-Salafiyah. J. 4. H. 20.

<sup>12</sup> Al-Hajjawi, Syarafuddin Musa. *Al-Iqna' Fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal* dengan semakan Abdul Latif as-Subkiy. Mesir: al-Matba'ah al-Misriyyah-Maktabah al-Farabiy. j. 4. h. 250.

Kementerian Wakaf Dan H Ehwal Islam Kuwait. 1983/1404 h. *Al-Mausu'ah al-Kuwaitiyyah al-Fiqhiyyah*. Kuwait. j. 24. h.19.

<sup>13</sup> Muhammad bin Rusyd. *Bidayatul Mujtahid Wa Nihayatul Muqtasid*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. j. 2. h. 433.

<sup>14</sup> *Doruriyyat* telah ditakrifkan as-Syatibiy sebagai sesuatu yang tidak boleh tanpanya dalam membangunkan kepentingan agama dan dunia yang mana jika ianya tiada nescaya kemaslahatan dunia akan menjadi tidak stabil bahkan akan ditimpa bencana dan kemusnahan serta kehilangan nyawa, malah di hari akhirat kelak akan kehilangan kejayaan serta syurga serta kerugian.

As-Syatibiy, Ibrahim bin Musa. *Al-Muwafaqat*. Mesir: Maktabah at-Tijariyyah al-Kubra. j. 2. h. 8.

## **Menghindari Dari Perkara-perkara Yang Membawa Ke Arah Zina.**

Sabda Nabi SAW menerusi hadith Ibnu 'Abbas:

*“Janganlah bersendirian seorang lelaki dan seorang perempuan kecuali bersama perempuan tersebut mahramnya”*<sup>15</sup>.

Firman Allah SWT: *“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”* (al-Isra': 32)

FirmanNya lagi:

*“Dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi”* (al-An'aam: 151)

## **Menjadi Penyebab Kebanggaan Nabi SAW**

Sabda Nabi SAW menerusi hadith Anas RA:

*“Berkahwinlah kalian dengan perempuan yang melahirkan anak ramai lagi penyayang, kerana sesungguhnya aku berbangga dengan ramainya bilangan kamu”*<sup>16</sup>.

Umat yang ramai bererti umat itu mempunyai kekuatan dan setiap anggotanya mempunyai keistimewaan dan kebolehan masing-masing dalam pelbagai bidang. Bagi seorang pejuang dan pemimpin, antara kebaikan yang paling utama ialah mempunyai pengikut yang ramai yang mendokong dan meneruskan perjuangan. Sebagai seorang pemimpin yang agung, Rasulullah SAW menuntut umatnya supaya mempunyai kekuatan yang mengatasi umat lain. Selain itu, anak-anak akan mendoakan

---

<sup>15</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab an-Nikah. Bab La Yakhluwanna Rajul Bimra'ah Illa Zu Mahram Wa ad-Dukhul 'Ala al-Mughibah. h. 962. #5233.

An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. 2005. *Sahih Muslim*. Kitab al-Haj. Bab Safar al-Mar'ah Ma'a Mahram Illa al-Haj. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah. h. 531. #1341.

<sup>16</sup> As-Syaibaniy, Ahmad bin Hanbal. 1999/1420 h. *al-Musnad*. Beirut: Mu'assasah ar-Risalah. j. 21. h. 91. #13569

untuk ibu bapa mereka dan ini akan menjamin suratan amalan sentiasa dicatat amal kebaikan dengan sebab usaha dan didikan mereka. Sabda Nabi SAW:

*“Apabila seseorang itu meninggal dunia maka terputuslah amalannya kecuali dari tiga perkara, sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh mendoakan untuknya”*<sup>17</sup>.

Setiap anak itu mempunyai kebaikan dan manfaat yang tersendiri dan kita tidak mengetahui siapakah di kalangan mereka yang lebih mendatangkan keberkatan. Firman Allah SWT:

*“Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu”* (an-Nisa': 11)

Daripada sudut fiqh, makruh mengahwini perempuan yang tidak dapat melahirkan anak. Adapun tatkala berlaku kes sebegini, maka hendaklah seseorang berusaha mengatasinya dengan mendapatkan rawatan. Sekiranya gagal maka hendaklah menerimanya sebagai ketentuan Allah SWT. FirmanNya:

*“Bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi; ia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya; ia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Atau ia mengurniakan mereka kedua-duanya - anak-anak lelaki dan perempuan, dan ia juga menjadikan sesiapa yang dikehendaki-Nya: mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa”* (Syura: 49-50)

---

<sup>17</sup> An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab al-Wasiyyah, Bab Ma Yalhaq al-Insan Min al-Thawab, h. 670. #1631, As-Sijistaniy, Sulaiman bin al-Asy'ath Abu Daud, 2004. *Sunan Abu Daud*. Kitab al-Wasaya, Bab Ma Ja'a Fi al-Sadaqah 'An al-Mayyit. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah h. 326. #2880. at-Tirmiziy, Muhammad bin Isa. 2004. *Al-Jami' at-Tirmiziy*. Kitab al-Ahkam 'An Rasulullah s.a.w. Bab Fi al-Waqf. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah. h. 242. #1376.

## Menggalakkan Perkahwinan

Hadith-hadith yang menggalakkan perkahwinan banyak diriwayatkan, dan ianya menunjukkan kepentingan perkahwinan dalam menjaga keluhuran nasab serta kestabilan masyarakat. Selain memperbanyakkan umat baginda SAW, perkahwinan juga dapat memelihara seseorang itu dari terjebak ke dalam kancah maksiat. Antara sabda baginda SAW ialah:

*“Wahai sekalian para pemuda, sesiapa dari kalangan kamu yang mampu untuk berkahwin maka berkahwinlah, kerana ianya lebih menjaga pandangan dan lebih memelihara kemaluanmu (dari maksiat)”*<sup>18</sup>.

Islam melarang dari menjadi seperti paderi-paderi kristian atau sami-sami yang tidak berkahwin serta menganggap bahawa perkahwinan itu suatu nafsu yang perlu dielakkan bagi lebih mendekati tuhan. Malah di dalam Islam bergaul atau berjima' dengan isteri itu satu ibadah serta lebih menenangkan fitrah manusia yang inginkan seks. Imam al-Baihaqi meriwayatkan satu hadith Nabi SAW:

*“Berkahwinlah kerana sesungguhnya aku berbangga dengan bilangan kamu yang ramai di hadapan umat-umat (terdahulu) dan janganlah kamu menjadi seperti kepaderian Nasrani”*<sup>19</sup>.

## Melarang Dari Menggugurkan Kandungan

Para ulama' bersepakat bahawa ditegah sama sekali menggugurkan kandungan setelah ditiupkan roh<sup>20</sup> pada

<sup>18</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab an-Nikah. Bab Qaul an-Nabiy Man Istato'a Minkum al-Ba'ah Falyatazawwaj Fa Innahu Aghaddhu Li al-Basar Wa Ahsonu Li al-Farj. h. 943. #5065.

An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab an-Nikah. Bab Istihbab an-Nikah Liman Taqat Nafsuhu Ilaihi Wa Wajada Mu'anah Wa Isytighal Liman 'Ajaza 'An al-Mu'ani Bi as-Soum. h. 670. #1631.

<sup>19</sup> al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain. 1994/1414 h. *Sunan al-Kubra*. Kitab al-Nikah, Bab al-Raghbah Fi al-Nikah, Makkah: Maktabah Dar al-Baz. Jil. 7. H. 78. #13235.

<sup>20</sup> Ditiupkan roh pada bayi di dalam kandungan selepas kandungan berusia lebih 40 hari, iaitu selepas lengkap proses embrio merangkumi peringkat

kandungan tersebut kerana ianya bagaikan membunuh insan yang bernyawa. Walau bagaimanapun mereka berselisih tentang hukum menggugurkan janin sebelum itu. Dalam suatu kisah, Nabi SAW pernah mengarahkan pampasan kepada seorang wanita yang tergugur kandungannya ketika bertelagah dengan seorang wanita lain<sup>21</sup>.

## Pandangan Agama Samawi Terhadap Zina

### Pandangan Agama Islam

Agama Islam menggolongkan amalan zina ini sebagai salah satu dari dosa yang paling besar. Malah Allah SWT telah meletakkannya selepas dosa syirik dan membunuh tanpa hak<sup>22</sup> menerusi firmanNya:

---

*nutfah*, *'alaqah*, *mudghah* dan penulangan berdasarkan hadith Ibnu Mas'ud yang direkodkan oleh Muslim.

Rujuk: An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab al-Qadr. Bab Kaifiyyah Khalq al-Adamiy Fi Batni Ummihi Wa Kitabati Rizqih Wa Ajalihi Wa 'Amalihi Wa Syaqawatihi Wa Sa'adatih. h. 1060. #2643.

Dari sudut sains perkembangan janin, proses yang dilalui oleh embrio dari peringkat awal sehingga kepada peringkat penulangan memakan masa sekitar 7 minggu (42-49 hari). Adapun artikel ini tidak bertujuan membincangkan proses perkembangan dan dalil-dalilnya secara teliti. Sila rujuk: T.W. Sadler. 10<sup>th</sup> ed/2006. *Longman's Medical Embryology*. USA: Lippincott Williams & Wilkins. h. 86.

<sup>21</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab ad-Diyat. Bab Janin al-Mar'ah. h. 1221. #6904.

An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab al-Qasamah. Bab Diyah al-Janin... h. 697. #1681.

<sup>22</sup> Iaitu selain dari 3 perkara yang disebutkan oleh Nabi SAW dalam hadith Uthman bin Affan RA: "*Tidak dihalalkan darah seorang muslim itu melainkan salah satu dari 3 perkara: Seseorang yang telah berkahwin melakukan berzina, lalu direjam, atau seseorang yang membunuh, lalu dibunuh balas, atau seseorang yang murtad selepas islamnya*".

Al-Qazwiniy, Muhammad bin Yazid Ibnu Majah. 2004. *Sunan Ibnu Majah*. Kitab al-Hudud. Bab La Yahillu Dam Imri'in Muslim Illa Fi Thalath. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah. h. 276. #2533, 2534.

Dinilai sahih oleh Sheikh Albaniy.

Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Ibnu Majah*. Riyadh: Maktab at-Tarbiyah al-Arabiy Li Dual al-Khalij. j. 2. h. 77.

*“Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak) dan tidak pula berzina dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya; Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat dan dia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan; Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan” (al-Furqan: 68)*

Imam al-Qurtubiy dalam penjelasannya akan tafsir ayat tersebut berkata: *“Ayat tersebut menunjukkan bahawa tiadalah dosa yang lebih besar selepas kufur dari membunuh tanpa hak, kemudian zina”*<sup>23</sup>.

Lantaran kejelekan dan mudarat zina maka Islam telah mengharamkannya dari peringkat awal dakwah Islam lagi, tidak seperti arak yang diharamkan secara beransur2. Ini menggambarkan betapa besarnya jenayah zina pada pandangan Islam. Firman Allah SWT:

*“Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah hingga mereka sampai ajal matinya atau hingga Allah mengadakan untuk mereka jalan keluar (dari hukuman itu). Dan (mana-mana) dua orang di antara kamu yang melakukan perbuatan yang keji itu, (setelah sabit kesalahannya) maka hendaklah kamu menyakiti keduanya; kemudian jika mereka bertaubat dan memperbaiki keadaan diri mereka (yang buruk itu), maka biarkanlah mereka; kerana sesungguhnya Allah adalah sentiasa Menerima taubat, lagi Maha Luas rahmatNya” (an-Nisa': 15-16)*

---

<sup>23</sup> Al-Qurtubiy, Abu Abdullah Muhammad. 1387 h. *Tafsir al-Qurtubiy*. Kaheerah: Dar al-Ma'rifah. j. h. 76.

Kalimah (الْفَاحِشَةَ) di dalam ayat tersebut adalah merujuk kepada zina sebagaimana yang disebutkan oleh al-Qurtubiy<sup>24</sup>. Ayat tersebut merujuk kepada hukuman pesalah zina pada awal peringkat Islam yang kemudiannya telah dimansuhkan dengan hukuman yang lebih keras lantaran jenayahnya yang besar di sisi Allah SWT<sup>25</sup>.

Malah perlakuan zina menyebabkan iman seorang mukmin itu tergugat. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas RA, Rasulullah SAW bersabda:

*“Tidak berzina seorang hamba itu ketika dia (hampir) berzina sedangkan dia beriman”*<sup>26</sup>.

Hadith tersebut menandakan bahawa amalan zina membawa bahana buruk kepada pelakunya iaitu imannya akan dicabut ketika dia dalam keadaan melakukan perbuatan keji tersebut. Lebih dahsyat lagi pelaku jenayah zina ini telah mendedahkan diri mereka kepada azab Allah. Hal tersebut boleh difahami menerusi hadith Ibnu 'Abbas RA bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Jika terzahir (merebak)nya amalan zina dan riba pada sesuatu tempat itu, maka mereka telah menghalalkan azab Allah menimpa ke atas diri mereka”*<sup>27</sup>.

<sup>24</sup> Al-Qurtubiy, Abu Abdullah Muhammad. *Tafsir al-Qurtubiy*. j. 5. h. 83.

<sup>25</sup> At-Tobariy, Ibnu Jarir. 1398 h. *Jami' al-Bayan Fi Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. j. 4. h. 200.

<sup>26</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab al-Muharibin Min Ahl al-Kufr Wa ar-Riddah. Bab Ithm az-Zunah. h. 1204. #6809, 6810.

<sup>27</sup> Dinilai Sahih oleh al-Hakim dan dipersetujui hukum tersebut oleh az-Zahabiy.

Al-Hakim an-Naisaburiy, Muhammad bin Abdullah. 1990. *Al-Mustadrak 'Ala as-Sohihain* berserta komentar az-Zahabiy dalam *at-Talkhis*. Semakan Mustofa Abdul Qadir 'Ata. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah. j. 2. h. 43.

### **Pandangan Agama Yahudi**

Agama Yahudi juga mengharamkan zina, malah mereka juga mengharamkan unsur-unsur yang boleh menjuruskan seseorang ke arah zina, seperti mengharamkan penganutnya memandang perempuan yang cantik, berbual dengan mereka, serta menjauhi serta tidak mengkahwini penzina<sup>28</sup>. Agama Yahudi juga menganggap bahawa zina itu sejenis kotoran serta pemusnah umat sebelumnya, malah mereka juga menyediakan hukuman keras kepada pesalah zina seperti membunuh atau membakar mereka mengikut jenis-jenisnya<sup>29</sup>.

### **Pandangan Agama Kristian**

Agama Kristian juga menganggap zina sebagai dosa besar. Malah peringatan bagi menghindarinya seringkali diulang di dalam Injil mereka. Selain itu pesalah zina juga seolah-olah telah mendedahkan diri mereka terhadap kemurkaan tuhanNya serta dijanjikan hukuman keras ke atas mereka<sup>30</sup>.

### **Pendekatan as-Sunnah Dalam Menangani Gejala Zina**

#### **Menggalakkan Pernikahan**

Perkahwinan merupakan jalan terbaik bagi menangani zina. Lantaran itu banyak nas-nas daripada sunnah yang menggalakkan pernikahan serta menghindari dari meninggalkannya.

Sabda Nabi SAW menerusi hadith Ibnu Mas'ud RA:

*“Wahai sekalian para pemuda, sesiapa dikalangan kamu yang mampu, maka berkahwinlah, maka sesungguhnya ia lebih memelihara pandangan serta kemaluan. Dan barangsiapa yang*

---

<sup>28</sup> Lihat kitab suci mereka, fasal 9, ayat 3,5,8,9,11, fasal 42, ayat 12, 13, dan fasal 21, ayat 7. Diambil dari tulisan Fadhl Ilahi. 2001. *At-Tadabir al-Waqiyah Min az-Zina Fil Fiqh al-Islamiy*. Riyadh: Muassasah al-Jaryusi. h. 23. Penulis telah mengambil beberapa contoh ayat dari kitab suci mereka yang menggambarkan kejelekan amalan zina dalam agama mereka.

<sup>29</sup> Ibid. h. 19-24.

<sup>30</sup> Ibid. h. 25-29.

*tidak berkemampuan maka berpuasalah, maka sesungguhnya ia merupakan pemutus (kepada syahwatnya)”*<sup>31</sup>.

Kata Ibnu Hajar al-‘Asqalaniy: “*Dikhususkan seruan ini kepada pemuda-pemudi kerana kebiasaannya punca-punca yang menyeru mereka kepada perkahwinan lebih kuat berbanding mereka yang berusia, akan tetapi jika punca-punca tersebut wujud jua pada mereka yang berusia maka seruan ini juga ditujukan kepada mereka”*<sup>32</sup>.

Sabda Nabi SAW menerusi hadith 'Aisyah RA:

*“Nikah itu sebahagian dari sunnahku, Maka barangsiapa yang tidak beramal dengan sunnahku maka bukanlah dia dari kalanganku”*<sup>33</sup>.

Para sarjana Islam telah bersepakat akan tuntutan berkahwin di dalam agama dan ianya merupakan sunnah yang digalakkan walaupun mereka berselisih dalam beberapa perkara yang menyebabkannya menjadi wajib<sup>34</sup>.

<sup>31</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab an-Nikah. Bab Qaul an-Nabiy Man Istato'a Minkum al-Ba'ah Falyatazawwaj Fa Innahu Aghaddhu Li al-Basar Wa Ahsonu Li al-Farj. h. 943. #5065.

An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab an-Nikah. Bab Istihbab an-Nikah Liman Taqat Nafsuhu Ilaihi Wa Wajada Mu'anah Wa Isytighal Liman 'Ajaza 'An al-Mu'ani Bi as-Soum. h. 670. #1631.

<sup>32</sup> Al-‘Asqalaniy, Ahmad bin Ali Ibnu Hajar. *Fathul Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Kaherah: al-Matba'ah as-Salafiyah. j.9. h. 108.

<sup>33</sup> Al-Qazwiniy, Muhammad bin Yazid Ibnu Majah. *Sunan Ibnu Majah*. Kitab an-Nikah. Bab Ma Ja' Fi Fadhl an-Nikah. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyah. h. 201. #1846.

Dinilai sahih oleh al-Albaniy.

Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Ibnu Majah*. Riyadh: Maktabah at-Tarbiyah al-Arabiy Liduwal al-Khalij. j. 1. h. 310.

<sup>34</sup> Majoriti ulama' berpandangan bahawa perkahwinan itu wajib ketika dalam situasi takut atau tidak mempunyai kekuatan bagi menghalang diri dari terjebak ke dalam zina. Imam al-Kasaniy mengatakan ianya merupakan *ijma'* para ulama. Manakala jika tidak wujud unsur tersebut maka ulama' berselisih pandangan mengenai hukumnya. Ringkasannya hukumnya berbeza (wajib, sunat, makruh, haram, mubah) mengikut situasi masing-masing yang berbeza halnya. Lihat lebih lanjut masalah tersebut pada sumber-sumber berikut:

Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm. *Al-Muhalla*. Semakan Ahmad Muhammad Syakir. Kaherah: Dar atTurath. j. 9. h. 440.

## **Menegah Dari Membujang Selamanya**

Nabi juga melarang umatnya yang berkemampuan untuk berkahwin tetapi enggan untuk menyegerakan urusan perkahwinannya. Kata Anas RA:

*“Rasulullah SAW menyuruh kepada perkahwinan serta menegah dengan tegahan yang keras dari membujang. Dan baginda bersabda: Berkahwinlah dengan perempuan yang melahirkan anak ramai lagi penyayang kerana sesungguhnya aku berbangga dengan ramainya bilangan kamu”<sup>35</sup>.*

Mereka yang tidak berkahwin kebiasaannya disebabkan hal-hal berikut:

## **Ingin Lebih Fokus Untuk Beribadah Kepada Allah SWT**

Nabi SAW telah menegah perbuatan ini dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Anas RA:

*“Telah datang 3 orang ke rumah isteri-isteri Nabi SAW bagi bertanyakan tentang ibadah baginda. Tatkala mereka diberitahu akan ibadah baginda, mereka pun berkata sesama mereka: Di mana (martabat) kita berbanding dengan Nabi SAW? Sesungguhnya baginda telah diampuni dosa-dosa yang telah lepas mahupun yang mendatang. Maka berkatalah salah seorang: Aku akan bersolat malam selama-lamanya. Dan berkata seorang lagi: Aku akan berpuasa sepanjang tahun dan*

---

Al-Kasaniy, Abu Bakr bin Mas'ud. 1406 h. *Bada' al-T' as-Sona' I' Fi Tartib asy-Syara' I'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. j. 2. h. 228.

Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Rusyd. *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayatul Muqtasid*. Kaherah: Matba'ah Hassan. j. 2. h. 3.

An-Nawawiy, Yahya bin Syaraf. 1405 h. *Raudhah at-Tolibin*. Beirut: Maktab al-Islamiy. j. 7. h.18.

Al-Maqdasiy, Abdullah bin Ahmad bin Qudamah. *Al-Mughniy*. Semakan Dr. Abdullah at-Turkiy dan Dr. Abdul Fattah. j. 9. h. 340.

Al-Qusyairiy, Muhammad bin Ali Ibnu Daqiq al-'eid. 1409 h. *Inkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam*. Kaherah: al-Maktabah as-Salafiyyah. j.4. h.171.

Al-'Asqalaniy, Ahmad bin Ali Ibnu Hajar. *Fathul Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. j. 9. h.110.

<sup>35</sup> As-Syaibaniy, Ahmad bin Hanbal. *al-Musnad*. j.20. h. 63. #12613.

*tidak akan berbuka. Dan berkata lagi seorang: Aku pula akan menjauhi wanita dan tidak akan berkahwin selamanya. Kemudian datanglah Rasulullah SAW dan berkata: Kamukah yang berkata begitu dan begini tadi? Demi Allah, akulah yang paling takutkan Allah serta paling bertakwa kepadaNya, akan tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku bersolat dan berehat, aku juga berkahwin. Maka barangsiapa yang menyimpang dari petunjukku maka bukanlah dia dari kalanganku”<sup>36</sup>.*

### **Tidak Berkemampuan Dari Sudut Kesihatan Atau Harta**

Bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk melakukan hubungan kelamin misalnya, Ibnu Qudamah menyebut pada golongan ini terdapat 2 aplikasi:

- i - Disunatkan baginya bernikah berdasarkan umum hadith-hadith yang menggalakkan perkahwinan serta menegah pembujangan.
- ii - Tidak bernikah kerana dia tidak mampu menghasilkan maslahat perkahwinan serta tidak mampu memenuhi keperluan seks pasangannya, malah akan memudaratkan pasangannya<sup>37</sup>.

Imam al-Ghazaliy pula berkata: “*Sesiapa yang mampu mencapai faedah berkahwin serta menghindari dari kehancurannya, maka disunatkan untuknya bernikah. Jika sebaliknya maka lebih baik bagi dia untuk tidak berkahwin”<sup>38</sup>.*

Manakala dalam hal seseorang itu dibelenggu dengan masalah kemampuan material, maka salah satu dari petunjuk dan bimbingan Nabi SAW ialah berpuasa yang membantu mengawal syahwat<sup>39</sup>.

<sup>36</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab an-Nikah. Bab at-Tarhib Fi an-Nikah. h. 943. #5063.

<sup>37</sup> Al-Maqdasiy, Abdullah bin Ahmad bin Qudamah. *Al-Mughniy*. j. 9. h. 343.

<sup>38</sup> Al-Ghazaliy, Muhammad bin Muhammad. 1358 h. *Ihya' Ulum ad-Din*. Mesir: Maktabah Wa Matba'ah Mustofa al-Babiy. j. 2. h. 35.

<sup>39</sup> Hadith berkaitannya telah disebut pada fakta 4.1.

## **Melepaskan Syahwatnya Pada Jalan Yang Tidak Disyari'atkan**

Iaitu selain dari perkahwinan yang sah. Hal ini termasuklah seks rambang, homoseks dan lain-lain. Perkara ini merupakan antara jenayah besar di sisi Islam lantaran mudaratnya kepada manusia. Malah ia membawa kehancuran kepada masyarakat dengan penyebaran pelbagai penyakit bahaya seperti AIDS, percampuran nasab keturunan yang tidak sah dan pelbagai keburukan lagi.

## **Memupuk Kasih Sayang Di Antara Suami Isteri**

Dalam mencegah amalan zina, Islam tidak hanya sekadar menggalakkan perkahwinan sahaja, malah Islam telah menggariskan pelbagai panduan serta hukum hakam yang mampu memupuk kasih sayang di antara suami isteri, serta menjaga hak masing-masing demi maslahat perkahwinan serta mencegah mereka dari terjebak ke dalam lembah zina.

Sabda Nabi SAW:

*"Aku berpesan kepada kalian untuk berbuat baik terhadap wanita"*<sup>40</sup>.

Begitu juga Nabi SAW bersabda:

*"Jika kalian (keluar) berjauhan lama (dari keluarganya) maka janganlah mengetuk pintu rumahnya pada malam hari"*<sup>41</sup>.

Kata Ibnu Hajar: *"Pada hadith tersebut galakan untuk saling berkasih sayang khususnya di kalangan suami isteri... Walaupun kebiasaannya masing-masing mengetahui kekurangan pasangan masing-masing, meskipun demikian Islam menegah dari mengetuk pintu rumah (secara mengejut) supaya tidak*

---

<sup>40</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab an-Nikah. Bab al-Wasiyyah Bi an-Nikah. h. 954. #5185, 5186.

An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab ar-Ridha'. Bab al-Wasiyyah Bi an-Nisa'. h. 586. #1468..

<sup>41</sup> Al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab an-Nikah. Bab La Yatruq Ahluha Lailan Iza Atala al-Ghaibah Makhafata An Yukhawwinahum Aw Yaltamis 'Atharatihim. h. 963. #5244.

*tersingkap padanya perkara-perkara yang kurang disenanginya (lantaran pasangannya di rumah yang tidak bersedia mempersiapkan diri menantinya)”<sup>42</sup>.*

Kasih sayang yang dipupuk tulus sesama suami isteri merupakan salah satu penawar utama wabak zina. Ianya membuatkan masing-masing tiada atau kurang kecenderungan untuk mencari punca-punca yang mengundang wabak tersebut jika dipelihara perkara-perkara lain secara keseluruhannya. Ketulusan dalam mengasihi pasangan akan menghasilkan pelbagai unsur-unsur positif dalam berumah tangga seperti kesetiaan, tanggungjawab, redha dengan segala pro-kontra pasangan, dan sebagainya.

Justeru ianya sangat dititik beratkan Islam. Di sana banyak lagi hadith-hadith yang menyentuh tentang peranan suami isteri yang perlu dilaksanakan agar keharmonian rumah tangga lebih terjamin serta mampu mengekang dari perkara-perkara yang tidak diinginkan. Banyak juga contoh-contoh kasih sayang Rasulullah SAW bersama para isterinya yang mampu dijadikan tauladan dalam berumah tangga, akan tetapi tidak dapat dimuatkan di dalam artikel terhad ini.

### **Membenarkan Suami Berpoligami**

Dalil-dalil berkaitan kebenaran berpoligami bagi suami telah jelas di dalam Quran mahupun Sunnah. Malah baginda SAW sendiri mempunyai beberapa isteri seperti yang telah diketahui umum umat Islam. Amalan poligami dalam rumah tangga merupakan ubat bagi sesetengah “penyakit” yang tidak dapat dihindarkan. Jika diperlukan maka perlu untuk mengambilnya demi merawat “penyakit” tersebut, manakala jika tidak memerlukan kemungkinan pengambilannya membawa mudarat yang lebih besar kepada rumah tangga. Sebagai contoh, jika seorang isteri itu tidak mampu memenuhi kehendak seks suaminya, maka Islam membenarkan suami tersebut untuk

---

<sup>42</sup> Al-‘Asqalaniy, Ahmad bin Ali Ibnu Hajar. *Fathul Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Kaherah: al-Matba’ah as-Salafiyah. j. 9. h. 34.

berpoligami kerana dikhuatiri suami tersebut akan terjebak ke dalam lembah maksiat.

Dalam masalah ini timbul persoalan di kalangan mereka yang masih ada perasaan ragu-ragu terhadap hikmah pensyari'atan poligami, mengapa wanita juga tidak dibenarkan berpoligami seperti lelaki? Mengapa hanya diambil kira suami sedangkan para isteri juga mempunyai syahwat seperti suami malah mungkin lebih dari suaminya? Dalam menjawab persoalan-persoalan ini, para sarjana Islam seperti Ibnul Qayyim mengatakan bahawa pensyari'atan berpoligami pada suami adalah merupakan sebahagian hikmah-hikmah sempurna yang Allah SWT ciptakan sebagai rahmat kepada hamba-hambanya dengan mengambil kira kesan-kesannya kepada manusia. Jika dibenarkan para isteri untuk berpoligami nescaya akan kucar kacirah dunia, dan hancurlah nasab keturunan manusia. Malah para suami yang fitrah kebiasaannya diberi lebih kekuatan dari wanita pasti akan berbunuhan dan menimbulkan fitnah yang dahsyat. Selain itu, lelaki juga kebiasaannya lebih bebas dan aktif dari wanita<sup>43</sup>.

Wanita pula fitrahnya mempunyai lebih nilai kasih sayang serta mengambil berat akan rumah tangganya berbanding lelaki. Maka dengan penuh hikmah, peranan mengandungkan anak itu terletak pada para wanita yang pasti tidak mampu ditanggung oleh para lelaki walaupun mempunyai kudrat fizikal yang lebih dari wanita.

Amalan poligami ini bukanlah merupakan pencabulan hak wanita sepertimana yang diperjuangkan oleh sesetengah pertubuhan yang memperjuangkan hak-hak wanita. Islam bukanlah merupakan agama yang pertama membenarkan poligami, malah ianya telah menjadi amalan dalam Yahudi, Parsi, Arab dan selain mereka sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW<sup>44</sup>. Malah Islam tidak pernah memaksa wanita untuk

<sup>43</sup> Al-Jauziyyah, Muhammad Ibnul Qayyim. 1397 h. *I'lam al-Muwaqqi'în 'An Rabbil 'Alamin*. Semakan Muhammad Muhyiddin Abdul Humaid. Beirut: Dar al-Fikr. j. 2. h. 85-87.

<sup>44</sup> Dr. Ghustaf Lubun. 1399 h. *Hadharah al-Arab*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath. h. 483.

berkahwin dengan lelaki yang sudah beristeri. Seorang wanita itu dikahwini dengan keredhaannya bukan dengan paksaan. Bahkan syarat poligami seperti yang dinyatakan oleh al-Quran ialah berlaku adil. Maka bilamana seseorang itu khawatir untuk tidak berlaku adil dari sudut nafkah, layanan dan sebagainya yang akan memudaratkan salah satu pihak atau lebih, tidak harus baginya untuk berpoligami. Para suami yang tidak berlaku adil pada isteri-isterinya telah dijanjikan azab yang berat di akhirat kelak. Sabda Nabi SAW:

*“Jika seorang lelaki itu mempunyai dua isteri (apatah lagi jika lebih) dan dia tidak berlaku adil di antara keduanya, nescaya dia akan berjalan di hari Kiamat kelak dalam keadaan sebelah badannya miring”*<sup>45</sup>.

### **Pengharaman Arak**

Sebahagian maksiat bukan sahaja dinilai jelek dan berbahaya dari segi perbuatan tersebut sahaja, malah ia melibatkan kesan-kesan buruk kepada pihak lain hasil dari perbuatan maksiatnya itu. Antaranya jenayah minum arak. Ini kerana arak menyebabkan seseorang itu hilang pertimbangan dan akal nya serta menambahkan syahwatnya yang menyebabkan dia terjerumus ke dalam zina. Lantaran itu Nabi SAW telah berpesan kepada Abu Darda' supaya menjauhi arak kerana ia merupakan kunci segala kejahatan<sup>46</sup>. Termasuk dalam kategori ini segala unsur-unsur

---

<sup>45</sup> At-Tirmiziy, Muhammad bin Isa. 2004. *al-Jami' at-Tirmiziy*. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah. h. 202. #1141. Kata at-Tirmiziy: Tidak kami ketahui hadith ini marfu' melainkan menerusi hadith Hammam dan beliau adalah thiqah hafidz.

Dinilai sahih oleh al-Albaniy.

Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Sunan at-Tirmiziy*. Riyadh: Maktab at-Tarbiah Li Dual al-Khalij. j. 1. h. 333.

Al-Qazwiniy, Muhammad bin Yazid Ibnu Majah. *Sunan Ibnu Majah*. Kitab an-Nikah. Bab al-Qismah Baina an-Nisa'. h. 213. #1969.

<sup>46</sup> Al-Qazwiniy, Muhammad bin Yazid Ibnu Majah. *Sunan Ibnu Majah*. Kitab al-Asyribah. Bab al-Khomru Miftah Kulli Syar. h. 366. #3371.

Dinilai sahih oleh al-Albaniy.

yang mengurangkan atau menghilangkan nilai kewarasan akal termasuk dadah, pil-pil khayal, dan seumpamanya.

### **Berpuasa Bagi Mereka Yang Belum Berkemampuan Untuk Berkahwin**

Bagi mereka yang tidak mampu menahan nafsu syahwatnya serta ingin berkahwin tetapi terhalang oleh kemampuannya samada dari kesihatan mahupun material, Nabi SAW menggalakkannya untuk berpuasa. Sabda baginda SAW:

*“Wahai sekalian pemuda, sesiapa dari kalangan kamu yang mampu untuk berkahwin maka berkahwinlah, kerana ianya lebih menjaga pandangan dan lebih memelihara kemaluanmu (dari maksiat, dan barangsiapa yang tidak berkemampuan maka berpuasalah, maka sesungguhnya ia merupakan penghalang (kepada syahwatnya)”<sup>47</sup>.*

Ibnu Hajar al-‘Asqalaniy berkata: *“Syahwat seksual itu berkait rapat dengan syahwat makan, ianya kuat bila kuat makannya, dan lemah apabila kurang makannya”<sup>48</sup>.*

### **Pensyari’atan Hudud Dan Perlaksanaannya Secara Terbuka**

Perbuatan maksiat merupakan keseronokan sementara yang ingin dilakukan oleh banyak manusia yang lemah atau tiada imannya. Lantaran itu serta sebab-sebab lain Allah SWT mensyari’atkan hukum hudud bagi jenayah-jenayah besar seperti zina bagi mengekang penularan maksiat tersebut. Sabda Nabi SAW:

---

Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Sunan at-Tirmiziy*. h. 2/241.

<sup>47</sup>Al-Bukhariy, Muhammad bin Ismail. *Sahih al-Bukhariy*. Kitab an-Nikah. Bab Qaul an-Nabiy Man Istato’a Minkum al-Ba’ah Falyatazawwaj Fa Innahu Aghaddhu Li al-Basar Wa Ahsonu Li al-Farj. h. 943. #5065.

An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab an-Nikah. Bab Istihbab an-Nikah Liman Taqat Nafsuhu Ilaihi Wa Wajada Mu’anah Wa IsytigH Liman ‘Ajaza ‘An al-Mu’ani Bi as-Soum. h. 670. #1631.

<sup>48</sup> Al-‘Asqalaniy, Ahmad bin Ali Ibnu Hajar. *Fathul Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Kaherah: al-Matba’ah as-Salafiyah. j. 9. h. 111.

*“Laksanakanlah hudud (yang telah disyari’atkan) Allah pada mereka yang rapat padamu ataupun jauh. Dan janganlah kamu takut akan dipersalahkan”*<sup>49</sup>.

Pada zaman Nabi SAW, pernah dilaksanakan beberapa hukuman hudud bagi mereka yang berzina serta cukup syarat pembabitannya seperti kisah Ma’iz, kisah wanita dari Juhainah, kisah yahudi yang direjam yang terdapat di dalam kitab-kitab sahih dan sunan.

Manakala hikmah perlaksanaannya secara terbuka ialah sebagai peringatan keras kepada mereka yang hadir menyaksikannya, dan penjenayah tersebut dihukum dari segi fizikal (disebat atau rejam) serta spiritual (dihukum di khalayak awam). Dan kebanyakan orang lebih terkesan sengan hukuman berbentuk spiritual berbanding fizikal yang akan membuatkan ramai gerun untuk mendekati jenayah tersebut<sup>50</sup>. Ini dapat dibuktikan dengan angka nisbah kadar jenayah zina yang berlaku di negara-negara yang melaksanakan hudud seperti Arab Saudi dan negara-negara yang tidak melaksanakannya. Sebagai contoh statistik nisbah mereka yang terlibat dalam jenayah-jenayah berat seperti bunuh, rompak dan sebagainya pada tahun 1977 di Amerika Syarikat ialah 555.1 : 100 000, manakala nisbah di Arab Saudi pada tahun yang sama ialah 22 : 100 000<sup>51</sup>.

## **Memelihara Pandangan**

Kemudahan teknologi zaman kini yang memudahkan akses ke laman-laman sesawang lucah tanpa kawalan, penyebaran video-video porno, aksi-aksi mengghairahkan yang sentiasa menjadi sajian filem-filem di kaca televisyen, pemakaian seksi yang boleh

---

<sup>49</sup> Al-Qazwiniy, Muhammad bin Yazid Ibnu Majah. *Sunan Ibnu Majah*. h. 276. #2540.

Dinilai sahih oleh al-Albaniy.

Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. *Sahih Sunan at-Tirmiziy*. j. 2. h. 78.

<sup>50</sup> Al-‘Imadiy, Muhammad bin Muhamad. *Tafsir Abi as-Sa’ud*. Riyadh: Maktabah ar-Riyadh al-Hadithiyah. j. 4. h. 45.

<sup>51</sup> Fadhl Ilahi. 2001. *At-Tadabir al-Waqiyah Min az-Zina Fil Fiqh al-Islamiy*. Riyadh: Muassasah al-Jaryusi. h. 222.

didapati di merata-rata tempat didapati menjadi faktor utama yang mendorong peningkatan nafsu seks yang membawa kepada amalan seks bebas, rogol, sumbang mahram, bahkan pelbagai penyakit sosial lain.

Mata merupakan kunci kepada syahwat dan maksiat. Lantaran itu mereka yang tidak mampu mengekang pandangan mereka dari melihat aurat-aurat yang dilarang atau perlakuan lucu dan sebagainya, mereka akan lebih mudah terjebak ke lembah zina. Sahabat Rasulullah SAW Jarir bin 'Abdullah RA berkata:

*“Aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang pandangan tiba-tiba (secara tidak sengaja terhadap wanita), maka baginda mengarahkanku supaya melarikan pandanganku”*<sup>52</sup>.

Begitu juga sabda baginda SAW dalam menjelaskan bahaya penglihatan kepada wanita yang tidak halal kepada seseorang:

*“Zina bagi kedua-dua mata ialah pandangan”*<sup>53</sup>.

### **Menegah Persentuhan Berlainan Jantina Bukan Muhrim**

Sabda Nabi SAW:

*“Dicucuk pada kepalamu dengan jarum besi lebih baik dari dia bersentuhan dengan wanita yang tidak dihalalkan kepadanya”*<sup>54</sup>.

Rasulullah SAW juga tidak pernah menyentuh mana-mana wanita bukan muhrim baginya sebagaimana yang disebutkan oleh isteri baginda 'Aisyah RA walaupun ketika mereka membai'ah baginda ketika memeluk Islam<sup>55</sup>. Walau

<sup>52</sup> An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab al-Adab. Bab an-Nadzor al-Fuja'ah. h. 891. #2159.

<sup>53</sup> An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab al-Qadr. Bab Quddira 'Ala Ibn Adam Hadzzuhu Min az-Zina Wa Ghairihi. h. 891. #2657.

<sup>54</sup> At-Tabraniy, Sulaiman bin Ahmad. 1983/1404 h. *Mu'jam al-Kabir*. Semakan Himdi as-Salafiy. Maktabah al-Ulum Wa al-Hikam. j. 20. h. 211. #486.

<sup>55</sup> An-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Kitab al-Imarah. Bab Kaifiyyah Bai'ah an-Nisa'. h. 778. #1866.

bagaimanapun ketika darurat seperti perihal doktor yang mengubati pesakitnya jika tiada doktor lain yang halal baginya bersentuhan, maka diharuskan bersentuhan sekadar yang memenuhi keperluan<sup>56</sup>.

### **Menegah Wanita Dari Berwangi-wangian Terhadap Lelaki Bukan Muhrim**

Di antara punca-punca yang membangkitkan syahwat lelaki ialah apabila menghidu wangi-wangian yang dipakai oleh wanita. Nabi SAW telah memberikan panduan dalam memakai wangi-wangian dalam sebuah hadith berikut:

*“Wangi-wangian lelaki ialah apa yang timbul baunya dan tersembunyi warnanya, manakala wangi-wangian wanita ialah apa yang timbul warnanya dan tersembunyi baunya”*<sup>57</sup>.

Sabda baginda SAW lagi dalam menjelaskan fitnah bagi perbuatan tersebut:

*“Mana-mana wanita yang berwangi-wangian lalu dia berjalan melalui penduduk (lelaki bukan muhrim) membiarkan mereka mencium baunya maka dia (seolah-olah) pezina”*<sup>58</sup>.

Malah dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albaniy, baginda SAW melarang wanita yang berwangi-wangian dari menghadiri solat di masjid-

<sup>56</sup>An-Nawawiy, Yahya bin Syaraf. *Al-Minhaj Syarh Sohih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar al-Fikr. h. 13/10

<sup>57</sup>At-Tirmiziy, Muhammad bin Isa. *al-Jami' at-Tirmiziy*. Kitab al-Adab. Bab Ma Ja'a Fi Tiyb ar-Rijal Wa an-Nisa'. h. 448. #2787.

Dinilai sahih oleh al-Albaniy.

Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Sunan at-Tirmiziy*. j. 2. h. 363.

<sup>58</sup>At-Tirmiziy, Muhammad bin Isa. *al-Jami' at-Tirmiziy*. Kitab al-Adab. Bab Ma Ja'a Fi Karahiyati Khuruj al-Mar'ah Muta'attirah. h. 448. #2786. Kata at-Tirmiziy: Hadith Hasan Sahih.

An-Nasa'iy, Ahmad bin Syu'aib. 2004. *Sunan an-Nasa'iy*. Kitab az-Zinah. Bab Ma Yukrah an-Nisa' Min at-Tiyb. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah. h. 524. #5126.

masjid sehingga dia membersihkan dirinya dari wangi-wangian tersebut<sup>59</sup>.

Maka jika seorang wanita itu ditegah dari menghadirkan diri di masjid dalam keadaan memakai wangi-wangian, apatah lagi jika dia ingin berhias-hias diri, berwangi-wangi di pasar-pasar atau tempat lain yang boleh menimbulkan fitnah, yang secara fitrahnya mampu menjadi tarikan kepada naluri seksual kaum Adam??

### **Penutup & Kesimpulan**

Berdasarkan dari dalil-dalil serta fakta dan kajian yang telah disebutkan, boleh dirumuskan bahawa amalan zina atau seks bebas merupakan jenayah yang sangat berat di sisi Islam, malah di sisi agama-agama lain. Kesan daripada amalan tersebut boleh membawa bencana besar kepada individu dan jua masyarakat. Selain dari menyebabkan penularan penyakit berbahaya, populasi manusia juga akan terancam rentetan meremehkan penularan amalan zina ini. Selain itu, ia juga menyebabkan masyarakat sentiasa diselubungi jenayah-jenayah yang semakin meruncing serta pelbagai kesan-kesan buruk lain yang telah disebutkan. Penularan gejala tersebut wajar dicegah dengan pelbagai kaedah. Masyarakat pelbagai peringkat umur juga wajar diberi peringatan serta kesedaran dari masa ke masa selain dari menghukum mereka yang terlibat dengan syari'at yang Allah SWT telah tetapkan demi kebaikan umat ini. Tidak dapat diragui lagi bahawa as-Sunnah merupakan pedoman terbaik dalam menangani wabak zina ini, dan ianya perlu terus dikaji dan dibahaskan sehingga masyarakat benar-benar faham akan hikmah serta kebaikan yang terkandung di dalamnya.

---

<sup>59</sup> An-Nasa'iy, Ahmad bin Syu'aib. *Sunan an-Nasa'iy. Kitab az-Zinah*. Bab Ightisal al-Mar'ah Min at-Tiyb. h. 524. #5127.  
Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Sunan an-Nasa'iy*. Riyadh: Maktab at-Tarbiah Li Dual al-Khalij. j. 2. h. 787.

## Rujukan

- al-Quran al-Karim
- al-‘Asqalaniy, Ahmad bin Ali Ibnu Hajar. *Fathul Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Kaherah: al-Matba’ah as-Salafiyyah dan Beirut: Dar al-Ma’rifah
- al-‘Imadiy, Muhammad bin Muhamad. *Tafsir Abi as-Sa’ud*. Riyadh: Maktabah ar-Riyadh al-Hadithiyyah
- al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Ibnu Majah*. Riyadh: Maktabah at-Tarbiyah al-Arabiy Liduwal al-Khalij
- al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Sunan an-Nasa’iy*. Riyadh: Maktab at-Tarbiah Li Dual al-Khalij
- al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin. 1408 h. *Sahih Sunan at-Tirmiziy*. Riyadh: Maktab at-Tarbiah Li Dual al-Khalij
- al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain. 1994/1414 h. *Sunan al-Kubra*. Makkah: Maktabah Dar al-Baz
- al-Bukhariy, Muhammad bin Isma’il. 2001/1422 h. *Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar Ihya’ at-Turath al-Arabiy
- al-Ghazaliy, Muhammad bin Muhammad. 1358 h. *Ihya’ Ulum ad-Din*. Mesir: Maktabah Wa Matba’ah Mustofa al-Babiy
- al-Hajjawi, Syarafuddin Musa. *Al-Iqna’ Fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal* dengan semakan Abdul Latif as-Subkiy. Mesir: al-Matba’ah al-Misriyyah-Maktabah al-Farabiy
- al-Hakim an-Naisaburiy, Muhammad bin Abdullah. 1990. *Al-Mustadrak ‘Ala as-Sohihain* berserta komentar az-Zahabiy dalam *at-Talkhis*. Semakan Mustofa Abdul Qadir ‘Ata. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah
- Ali bin Ahmad bin Sa’id bin Hazm. *Al-Muhalla*. Semakan Ahmad Muhammad Syakir. Kaherah: Dar at-Turath

- al-Jauziyyah, Muhammad Ibnul Qayyim. 1397 h. *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabbil 'Alamin*. Semakan Muhammad Muhyiddin Abdul Humaid. Beirut: Dar al-Fikr
- al-Kasaniy, Abu Bakr bin Mas'ud. 1406 h. *Bada'I' as-Sona'I' Fi Tartib asy-Syara'I'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- al-Maqdasiy, Abdullah bin Ahmad bin Qudamah. *Al-Mughniy*. Semakan Dr. Abdullah at-Turkiy dan Dr. Abdul Fattah
- al-Qazwiniy, Muhammad bin Yazid Ibnu Majah. 2004. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah
- al-Qurtubiy, Abu Abdullah Muhammad. 1387 h. *Tafsir al-Qurtubiy*. Kaherah: Dar al-Ma'rifah
- al-Qusyairiy, Muhammad bin Ali Ibnu Daqiq al-'eid. 1409 h. *Ihkam al-Ahkam Syarh 'Umdah al-Ahkam*. Kaherah: al-Maktabah as-Salafiyyah
- an-Naisaburiy, Muslim bin al-Hajjaj. 2005. *Sahih Muslim*. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah
- an-Nasa'iy, Ahmad bin Syu'aib. 2004. *Sunan an-Nasa'iy*. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah
- an-Nawawi, Yahya bin Syaraf. *Al-Majmu' Syarh al-Muhadzzab*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah as-Salafiyyah
- an-Nawawiy, Yahya bin Syaraf. 1405 h. *Raudhah at-Tolibin*. Beirut: Maktab al-Islamiy
- as-Sijistaniy, Sulaiman bin al-Asy'ath Abu Daud, 2004. *Sunan Abu Daud*. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah
- as-Syaibaniy, Ahmad bin Hanbal. 1999/1420 h. *al-Musnad*. Beirut: Mu'assasah ar-Risalah
- as-Syatibiy, Ibrahim bin Musa. *Al-Muwafaqat*. Mesir: Maktabah at-Tijariyyah al-Kubra

- at-Tabraniy, Sulaiman bin Ahmad. 1983/1404 h. *Mu'jam al-Kabir*. Semakan Himdi as-Salafiy. Maktabah al-Ulum Wa al-Hikam
- at-Tirmidziy, Muhammad bin Isa. 2004. *al-Jami' at-Tirmidziy*. Beirut: Bait al-Afkar ad-Dauliyyah
- at-Tobariy, Ibnu Jarir. 1398 h. *Jami' al-Bayan Fi Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Dr. Ghustaf Lubun. 1399 h. *Hadharah al-Arab*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath
- Fadhl Ilahi. 2001. *At-Tadabir al-Waqiyah Min az-Zina Fil Fiqh al-Islamiy*. Riyadh: Muassasah al-Jaryusi
- Ibnu Manzoor, Muhammad bin Mukarram. *Lisan al-Arab*. Kaheerah: Dar al-Ma'arif
- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1997. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka. h: 1558
- Kementerian Wakaf Dan H Ehwal Islam Kuwait. 1983/1404 h. *Al-Mausu'ah al-Kuwaitiyyah al-Fiqhiyyah*. Kuwait
- Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Rusyd. *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayatul Muqtasid*. Kaheerah: Matba'ah Hassan
- Muhammad bin Rusyd. *Bidayatul Mujtahid Wa Nihayatul Muqtasid*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Norazila binti Sugiman. 2008. *Persepsi Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks Bebas*. (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia
- T.W. Sadler. 10<sup>th</sup> edition/2006. *Longman's Medical Embryology*. USA: Lippincott Williams & Wilkins.